



Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Asap keluar _____ dari kereta api yang menggunakan enjin arang batu itu.
A berketul-ketul C bersimpul-simpul
B berkepul-kepul D bergumpal-gumpal
- 2 Para pembesar Kerajaan Siam sedang menyusun strategi untuk _____ pemerintahan sultan yang zalim itu.
A merebahkan C menjatuhkan
B merobohkan D menggugurkan

Soalan 3

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Beribu-ribu orang berhimpun di Stadium
A
Merdeka untuk menonton perlawanan
bola di antara Malaysia dengan Indonesia.
B C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 4 I Beliau dilantik sebagai peguam *bela* bagi kes itu.

- II Ikan laga itu saya *bela* sejak tahun lepas.
- III Cis, hamba mesti menuntut *bela* atas kematian bonda hamba!
- IV Kehidupan Fateh tidak *bela* sejak kematian isteri dan anaknya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 5 Penggunaan bahasa Inggeris yang tidak dipentingkan oleh ibu bapa di rumah menyebabkan murid sukar menguasai bahasa ini dengan baik.
A Murid dan ibu bapa gagal menguasai bahasa Inggeris dengan baik kerana tidak mementingkan bahasa itu di rumah.
B Ibu bapa sukar menguasai bahasa Inggeris kerana kegagalan murid berkomunikasi bahasa itu dengan baik di rumah.
C Murid dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik sekiranya mereka mementingkan penggunaan bahasa itu di rumah.
D Antara punca murid tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik ialah kegagalan ibu bapa yang tidak mementingkan penggunaan bahasa itu di rumah.

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 6 Pegawai daerah yang masih muda itu mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung yang sudah berpuluh-puluh tahun tertangguh. Hal ini diibaratkan

- A ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.
- B kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.
- C kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga.
- D kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai.